

Nur Ameera Farhana dinobatkan juara Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020

UB 27.11.2020 P.4



JURI DAN PESERTA: Barisan juri dan peserta Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020.

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kodiaman Yus Mustapha (KKTm) sesi 2020/2021 mengambil satu inisiatif mengadakan pertandingan ceator secara dalam talian baru-baru ini.

Pertandingan yang diadakan ialah Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020 di bawah anjuran Exco Akademik JAKMAS KKTm sesi 2020/2021.

JAKMAS KKTm memanfaatkan kebaikan dan penggunaan teknologi masa kini untuk menarik serta memulakan minat para mahasiswa dalam bidang ceator khususnya mendeklamasikan sajak.

Sayembara ini melibatkan penglibatan aktif daripada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah yang terdiri daripada pelbagai ubi kadatuan dan fakulti.

Sekelompok yang pedu daripada para mahasiswa menyayakkan mereka amat tertarik untuk menyertai pertandingan seperti ini.

Sayembara ini berlangsung selama dua hari, di mana pusingan saringan berlangsung pada hari pertama dan pusing akhir berlangsung pada hari kedua.

Para peserta diminta untuk menghantar video mereka mendeklamasikan sajak kepada AJK Pelaksana untuk pengadalan bagi pusingan saringan.

Beberapa syarat pertandingan ditetapkan seperti setiap peserta hanya diberikan masa selama 4 sehingga 5 minit untuk mendeklamasikan sajak, sajak yang bakal didedahkan berdasarkan penilaian mereka sendiri atau melalui penyajak negara dengan syarat hendaklah menyebut nama pemilih sajak berkenaan.

Pengarah Kolej Kodiaman Yus Mustapha Kol. Bawakelan (PA) Prof. Madya Dr. Mohamed Nazim Nazrudin banyak membincangkan kata-kata semangat, idea dan

cadangan pemuliharaan untuk menjadikan sayembara ini sebagai satu percuti dengan yang bakal meninggalkan impak yang besar kepada mahasiswa khususnya mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

Pertandingan yang sengit dapat dilihat melalui pengadalan saringan video peserta Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020 apabila para peserta yang menyertai pertandingan ini amatlah bertekad dan berkebolehan dalam mendeklamasikan sajak.

Setiap peserta mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri. Keunikan dan keistimewaan inilah yang menjadi batu loncatan kepada persembahan mereka yang unik dan mengagumkan.

Pengarah sayembara, Elizabeth Nevall Anthony berharap agar pertandingan ini akan memberikan impak yang besar dan positif buat semua peserta dan peminat Live Facebook KKTm.

Beliau berharap agar mahasiswa dapat menimbulkan minat ke atas kesenian Melayu dan menitikberatkan akan kepentingan menuturkan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian kita.

Beliau melahirkan rasa terima kasih kepada semua peserta yang meluangkan masa untuk menyertai pertandingan ini dan kepada semua peminat LIVE Facebook KKTm bagi Pusingan Akhir Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020.

Semua lima orang peserta terpilih untuk berentap di Pusingan Akhir Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020 secara dalam talian melalui siaran langsung (LIVE) di laman Facebook KKTm dan diadli oleh tiga barisan juri yang adil bagi semuanya.

Tiga barisan juri tersebut terdiri daripada Dr Abdul Khair Beddu Azis, Mohamed Shukriy dan Cik Titiana Davina Iman Logan.



PEMENANG: Barisan pemenang sayembara deklamasi sajak KKTm 2020.

Sayembara Deklamasi Sajak ini dilaksanakan secara dalam talian melalui siaran langsung (LIVE) di laman Facebook KKTm. Sayembara Deklamasi Sajak KKTm ini diakhiri dengan pengumuman para pemenang Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020. Para pemenang akan membawa pulang hadiah berbentuk wang tunai dan E-suit. Juara Sayembara Deklamasi Sajak KKTm 2020 ialah Nur Ameera Farhana Binti Mohamed Sabri dengan sajak yang didedahkan oleh beliau iaitu 'Rasanya' hasil karya M.S. Naib Johan dimenangi oleh Zamani Bin Hadain manakala tempat ketiga dimenangi oleh Nur Aniqah Binti Ibrahim. Peserta dan peminat di siaran langsung (LIVE) Facebook KKTm memberikan maklum balas yang baik dan positif kepada AJK Pelaksana AJK Pelaksana berharap agar aktiviti seperti ini akan dapat kerap di anjurkan di masa akan datang.